

WAKAF ZURRI: ANALISIS PERUNDANGAN DAN CADANGAN MODEL MUSYTARAK BERTEMPOH BERASASKAN MAQASID AL-SHARIAH

WAQF ZURRI: A LEGAL ANALYSIS AND PROPOSED TEMPORARY JOINT OWNERSHIP MODEL BASED ON MAQASID AL-SHARIAH

Muhammad Ismail Samsudin ¹
Nurul Zamratul Asyikin Ahmad ^{2*}
Hainnuraqma Rahim ³
Ajwad Abqari Ikbal Zahin ⁴

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. (E-mail: samismail320@gmail.com)

² Marketing/ Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah and 78000, Melaka, Malaysia (E-mail: nzamratula@uitm.edu.my)

³ Economy/ Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah and 78000, Melaka, Malaysia (E-mail: hainnuraqma@uitm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. (E-mail: ajwadabqari27@gmail.com)

*Corresponding author: nzamratula@uitm.edu.my

Article history

Received date : 17-5-2026
Revised date : 18-5-2026
Accepted date : 5-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Samsudin, M. I., Ahmad, N. Z. A., Rahim, H., & Ikbal Zahin, A. A. (2026). Wakaf zurri: Analisis perundangan dan cadangan model musytarak bertempoh berasaskan maqasid al-Shariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 589 – 606.

Abstrak: *Waqaf zurri merupakan instrumen wakaf yang memperuntukkan manfaat kepada ahli keluarga sebelum disalurkan kepada kepentingan umum. Dalam konteks kontemporari, pelaksanaannya menimbulkan pelbagai kontroversi, khususnya berkaitan keselarasan dengan prinsip maqasid al-shariah, keadilan agihan, serta kelemahan tadbir urus dalam industri kewangan Islam. Literatur menunjukkan wujud jurang antara keharusan dalam fiqh klasik dan realiti semasa yang mempersoalkan keberkesanan serta ketelusan pelaksanaannya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep dan justifikasi hukum waqaf zurri berdasarkan perspektif fiqh klasik dan kontemporari, mengenal pasti serta menilai kontroversi pelaksanaannya dalam industri kewangan Islam, dan mencadangkan model konseptual waqaf zurri yang selari dengan prinsip maqasid al-shariah serta keperluan semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-analitik melalui kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan tematik dengan meneliti karya fiqh turath, enakmen wakaf enam negeri terpilih, artikel jurnal berindeks, serta laporan institusi wakaf. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada enam negeri yang dikaji, hanya Perak yang memperuntukkan wakaf zurri secara eksplisit, manakala Melaka dan Negeri Sembilan langsung tiada peruntukan khusus, mencerminkan jurang perundangan yang ketara dan mendesak untuk diselaraskan. Selain itu, tiga jurang utama telah dikenal pasti antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang, iaitu berkaitan kekekalan wakaf, skop benefisiari, dan had generasi.*

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan model Wakaf Zurri Musytarak Bertempoh berasaskan maqasid al-shariah dengan agihan 90% manfaat kepada keluarga selama dua generasi sebelum disalurkan sepenuhnya kepada wakaf am, integrasi dengan instrumen kewangan Islam kontemporari, serta tiga cadangan dasar khusus kepada penggubal polisi. Kesimpulannya, wakaf zurri berpotensi besar sebagai instrumen sosioekonomi strategik umat Islam sekiranya distrukturkan secara sistematik melalui garis panduan yang komprehensif, penyeragaman perundangan antara negeri, dan kerangka tadbir urus yang jelas bagi mengoptimumkan pelaksanaannya dalam konteks semasa.

Kata Kunci: *Waqaf Zurri, Tadbir Urus Wakaf, Kewangan Islam Kontemporari*

Abstract: *Family waqf (waqaf zurri) is a waqf instrument that allocates benefits to family members before channelling them toward public interest. In the contemporary context, its implementation has generated considerable controversy, particularly concerning its alignment with the principles of maqasid al-shariah, distributive justice, and governance deficiencies within the Islamic finance industry. Existing literature reveals a significant gap between the permissibility established in classical fiqh and contemporary realities that call into question the effectiveness and transparency of its implementation. Accordingly, this study aims to analyse the concept and legal justification of waqaf zurri from classical and contemporary fiqh perspectives, to identify and evaluate the controversies surrounding its implementation within the Islamic finance industry, and to propose a conceptual model of waqaf zurri aligned with the principles of maqasid al-shariah and contemporary needs. This study employs a qualitative descriptive-analytical approach through library research and thematic content analysis, examining classical fiqh literature (turath), waqf enactments from six selected states, indexed journal articles, and waqf institutional reports. The findings reveal that of the six states examined, only Perak explicitly provides for waqaf zurri, while Melaka and Negeri Sembilan contain no specific provisions whatsoever, reflecting a substantial and urgent legislative gap requiring harmonisation. Furthermore, three principal discrepancies were identified between the positions of classical jurists (fuqaha) and existing statutory provisions, namely concerning the perpetuity of waqf, the scope of beneficiaries, and generational limits. In response, this study proposes a Wakaf Zurri Musytarak Bertempoh model grounded in maqasid al-shariah, encompassing an allocation of 90% of benefits to family members across two generations before full transfer to public waqf (wakaf am), integration with contemporary Islamic financial instruments, and three specific policy recommendations directed at policymakers. In conclusion, waqaf zurri holds substantial potential as a strategic socioeconomic instrument for the Muslim community, provided it is systematically structured through comprehensive guidelines, inter-state legislative harmonisation, and a clearly defined governance framework to optimise its implementation in the contemporary landscape.*

Keywords: *Family Waqf (Waqaf Zurri), Waqf Governance, Contemporary Islamic Finance*

Pengenalan

Wakaf *zurri* merupakan salah satu instrumen perancangan harta Islam yang signifikan dalam menjamin kebajikan dan kelangsungan ekonomi keturunan pewakaf, khususnya dalam konteks masyarakat Islam kontemporari di Malaysia (Sadique et al. 2016). Kepentingan wakaf *zurri* terletak pada peranannya sebagai mekanisme pengurusan harta keluarga jangka panjang yang berteraskan prinsip kebajikan dan kesinambungan manfaat, di samping berpotensi mengurangkan kesan pemecahan harta secara berulang melalui pembahagian faraid (Mohamad

2018). Dalam realiti semasa, wakaf *zurri* turut dikaitkan dengan usaha menangani peningkatan nilai harta pusaka orang Islam yang tidak dituntut atau tergantung, yang membawa implikasi sosioekonomi kepada waris serta institusi agama di Malaysia (Sanusi et al. 2021).

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar harta orang Islam tidak dapat dimanfaatkan secara optimum akibat kelemahan perancangan awal, kekurangan kefahaman waris, serta kekangan dalam aspek pentadbiran dan tadbir urus institusi berkaitan wakaf (Abdullah & Bahari 2019; Nor Azlan et al. 2020). Dalam konteks ini, wakaf *zurri* sering diketengahkan sebagai instrumen yang berpotensi menyumbang kepada keselamatan ekonomi keluarga dan kesejahteraan sosial umat Islam sekiranya dilaksanakan secara terancang dan berlandaskan kerangka syariah yang jelas (Daud et al. 2023). Namun demikian, walaupun potensi tersebut sering dibincangkan dalam literatur, pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia masih berada pada tahap yang terhad.

Dari sudut fiqh Islam, wakaf *zurri* diiktiraf secara meluas dan mempunyai asas perbincangan yang kukuh sejak zaman awal Islam, selagi mana ia memenuhi rukun dan syarat wakaf serta tidak bercanggah dengan prinsip maqasid al-shariah (Abdul Samad et al. 2024; Daud et al. 2023; Sadique et al. 2016). Para fuqaha daripada pelbagai mazhab membincangkan keharusan wakaf *zurri* sebagai salah satu bentuk wakaf yang sah dan berfungsi dalam memelihara kepentingan keluarga pewakaf. Walau bagaimanapun, dari sudut pelaksanaan kontemporari di Malaysia, beberapa kajian mendapati bahawa wakaf *zurri* berhadapan dengan kekangan perundangan, ketidakseragaman prosedur antara negeri, serta pendekatan berhati-hati pihak berkuasa agama dalam mengurus wakaf berbentuk keluarga (Sanusi et al. 2021, 2023).

Perbezaan antara keluasan perbincangan wakaf *zurri* dalam kerangka fiqh dengan pendekatan perundangan negeri yang lebih terkawal menimbulkan persoalan mengenai tahap keselarasan antara kedua-dua kerangka tersebut. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan wakaf *zurri* dari sudut fiqh atau pengurusan secara berasingan, kebanyakan kajian terdahulu didapati kurang memberi penekanan kepada analisis perbandingan yang menyeluruh antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang bertulis di peringkat negeri (Abdul Samad et al. 2024). Selain itu, sebahagian kajian lebih bersifat deskriptif tanpa menilai secara kritikal implikasi perundangan dan cabaran tadbir urus yang timbul daripada perbezaan pendekatan tersebut (Sanusi et al. 2023).

Sehubungan itu, penulisan laporan ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia melalui perbandingan antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang negeri, khususnya dalam konteks tadbir urus wakaf. Analisis ini penting bagi menilai sejauh mana keselarasan antara kerangka normatif fiqh Islam dan realiti perundangan serta pentadbiran wakaf di Malaysia (Ab Rahman et al. 2024). Berdasarkan pendekatan ini, kajian diharapkan dapat mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelaksanaan wakaf *zurri* serta menjelaskan punca jurang antara teori fiqh dan amalan perundangan semasa, seterusnya menyumbang kepada wacana akademik berkaitan perancangan dan pengurusan harta orang Islam.

Sorotan Literatur

Wakaf *Zurri* Menurut Pandangan Fuqaha

Pembahagian Jenis Wakaf

Sebelum membuat perbandingan terhadap pelaksanaan wakaf *zurri*, adalah wajar ditelusuri terlebih dahulu pembahagian jenis wakaf secara umum. Berdasarkan penerima manfaat harta wakaf, para sarjana membahagikan wakaf kepada tiga jenis utama, iaitu wakaf am (*waqf khayri*), wakaf keluarga atau wakaf khusus (*waqf zurri*), serta wakaf gabungan antara wakaf keluarga dan wakaf am yang dikenali sebagai *waqf al-mushtarak* (Muhammad Obaidullah 2008).

Wakaf keluarga atau wakaf khusus merujuk kepada harta yang diwakafkan pada peringkat awal untuk kepentingan pewakaf sendiri atau ahli keluarganya, sebelum manfaat tersebut diperluaskan kepada tujuan kebajikan yang lebih umum (Yusof Al-Qaradhawi 1996). Dalam wakaf jenis ini, penggunaan harta wakaf adalah terikat kepada tujuan khusus yang telah ditetapkan oleh pewakaf dan tidak boleh digunakan bagi tujuan lain. Sebagai contoh, pewakafan tanah untuk dijadikan kediaman keluarga dianggap sah selagi mana memenuhi rukun dan syarat wakaf (Abdullah & Bahari 2019). Jika sanak saudara dan wakifnya sudah tiada lagi, maka hendaklah dipindahkan harta wakaf itu kepada keluarga pewakaf atau keturunannya yang lain.

Sementara wakaf am pula ialah harta yang diwakafkan untuk tujuan kebajikan umum yang tertakluk kepada penggunaannya yang tertentu (Abdullah & Bahari 2019). Wakaf jenis ini tidak ditetapkan atau ditujukan kepentingan dan kepenggunaannya kepada orang atau kumpulan tertentu. Wakaf umum ini mampu memberi kebajikan dan kepentingan kepada masyarakat secara meluas serta mewujudkan kesejahteraan ummah dan pembangunan masyarakat secara umumnya (Abdullah & Bahari 2019). Wakaf jenis ini berperanan penting dalam memberi manfaat secara meluas kepada masyarakat serta menyumbang kepada kesejahteraan ummah dan pembangunan sosial. Perancangan pembangunan dan pengurusan wakaf am lazimnya diserahkan kepada pihak berkuasa agama negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan hasil pendapatannya dikategorikan sebagai sebahagian daripada harta Baitulmal.

Selain itu, terdapat juga wakaf *al-mushtarak*, iaitu wakaf yang menggabungkan elemen wakaf keluarga dan wakaf am. Wakaf ini diwujudkan bagi memenuhi dua objektif serentak, iaitu menjaga kebajikan keluarga pewakaf dan menyumbang kepada kepentingan umum. Contohnya, harta wakaf seperti tanah pertanian boleh ditentukan agar sebahagian hasilnya dimanfaatkan untuk keluarga, manakala sebahagian yang lain disalurkan kepada tujuan kebajikan umum (Abdullah & Bahari 2019).

Wakaf *Zurri* dan Isu Tempoh Manfaat: Kekal atau Sementara

Wakaf *zurri* merupakan satu bentuk wakaf yang diiktiraf kesahihannya oleh majoriti fuqaha, dengan syarat ia memenuhi rukun dan syarat wakaf yang ditetapkan. Para ulama daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali secara umumnya menerima wakaf *zurri* sebagai harus, selagi mana tujuan pewakafan tidak bercanggah dengan prinsip syariah dan tidak menafikan kepentingan awam secara mutlak (Sadique et al. 2016). Penerimaan ini menunjukkan bahawa wakaf *zurri* bukanlah satu inovasi kontemporari, sebaliknya telah diamalkan sejak zaman awal Islam dan mendapat sandaran amalan para Sahabat.

Walau bagaimanapun, perbezaan pandangan fuqaha dapat diperhatikan khususnya dari sudut tempoh manfaat wakaf *zurri*, sama ada wakaf tersebut mesti bersifat kekal (*ta' bīd*) atau boleh dibuat secara sementara. Sebahagian fuqaha berpandangan bahawa wakaf kepada ahli keluarga menimbulkan persoalan dari sudut kesinambungan manfaat, memandangkan ahli keluarga merupakan kumpulan yang bersifat sementara dan akan terputus pada suatu masa. Bagi menjawab isu ini, Abdul Samad et al. (2024) telah meneliti perbincangan fuqaha Muslim berkaitan kesahan wakaf *zurri*.

Majoriti ulama daripada Mazhab Maliki, pandangan rajih Mazhab Syafi'i, Mazhab Hanbali serta Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi berpandangan bahawa wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah sah. Mazhab Maliki secara khusus membenarkan wakaf dibuat secara bertempoh (*wakaf muaqqat*), justeru tidak menghalang wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang bersifat sementara. Menurut pandangan ini, kesahan wakaf tidak terjejas walaupun manfaatnya terhad kepada golongan tertentu pada peringkat awal.

Pandangan rajih Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali turut mengiktiraf kesahan wakaf untuk benefisiari yang akan putus dengan hujah bahawa sifat kekekalan wakaf tidak semestinya menuntut kesinambungan benefisiari secara mutlak. Sebahagian ulama dalam kedua-dua mazhab ini berpandangan bahawa selepas berakhirnya tempoh manfaat atau ketiadaan benefisiari, harta wakaf boleh kembali kepada pemilikan keluarga pewakaf iaitu tanpa menjejaskan kesahan wakaf tersebut. Dengan ini bermaksud, harta wakaf tersebut akan kembali kelurga pewakaf yang lain seperti adik beradiknya, sepupu atau waris jauh yang masih hidup dan status harta tersebut bertukar menjadi harta pusaka bukan status wakaf kerana manfaatnya telah putus. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman fiqh yang lebih fleksibel terhadap pelaksanaan wakaf dalam konteks keluarga.

Sebaliknya, Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad berpandangan bahawa wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah tidak sah sekiranya tidak disertakan dengan peruntukan kesinambungan manfaat. Mazhab ini menekankan keperluan ciri kekekalan sebagai elemen asas wakaf, yang menurut mereka tidak dapat dipenuhi sekiranya wakaf hanya tertumpu kepada ahli keluarga yang akan berakhir dengan kematian. Oleh itu, wakaf kepada ahli keluarga hanya dianggap sah menurut pandangan mazhab Hanafi sekiranya disertakan dengan peruntukan kesinambungan manfaat kepada pihak yang tidak akan putus kewujudannya, seperti fakir miskin secara umum atau kepentingan awam, selepas ketiadaan benefisiari keluarga (Abdul Samad et al. 2024).

Selain itu, isu kekekalan (*ta' bīd*) turut menjadi perbincangan penting dalam konteks wakaf *zurri*. Walaupun jumur ulama mensyaratkan sifat kekal sebagai ciri utama wakaf, sebahagian fuqaha mengemukakan pandangan yang lebih fleksibel dengan membenarkan wakaf dibuat secara sementara bagi memastikan maslahat yang berterusan. Mazhab Maliki secara jelas membenarkan wakaf bertempoh dan tidak menjadikan kekekalan sebagai syarat asas wakaf. Pandangan yang hampir sama turut dikemukakan oleh Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi, manakala dalam Mazhab Syafi'i juga terdapat pandangan yang membenarkan wakaf dibuat secara sementara. Selain itu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa kelangsungan wakaf bergantung kepada kemampuan harta wakaf untuk menghasilkan manfaat, dan apabila harta tersebut tidak lagi mampu memberikan manfaat, wakaf tersebut akan terhenti (Abdul Samad et al. 2024).

Perbincangan mengenai kekekalan wakaf ini menunjukkan bahawa fiqh wakaf *zurri* bersifat dinamik dan tidak bersifat kaku. Kepelbagaian pandangan fuqaha membuka ruang kepada pendekatan yang lebih realistik dan kontekstual dalam pelaksanaan wakaf *zurri*, selaras dengan perubahan sosioekonomi serta keperluan pengurusan harta dan cabaran pentadbiran semasa.

Wakaf kepada Ahli Keluarga: Skop Benefisiari, Tafsiran Lafaz dan Implikasi terhadap Harta Pusaka

Fuqaha turut membincangkan secara terperinci isu skop benefisiari wakaf *zurri*, khususnya berkaitan tafsiran lafaz seperti “anak”, “keturunan”, “zuriat” dan “keluarga”. Wakaf *zurri* atau *waqf ahli* merujuk kepada bentuk wakaf di mana hasil atau manfaat harta wakaf dikhususkan kepada individu tertentu, lazimnya ahli keluarga dan saudara-mara pewakaf. Dalam konteks ini, harta yang diwakafkan tidak lagi menjadi harta pusaka yang boleh dibahagikan mengikut hukum faraid selepas kematian pewakaf, kerana harta tersebut telah dikeluarkan daripada milikan pewakaf dan menjadi milik Allah SWT. Waris tidak memiliki harta wakaf tersebut, sebaliknya hanya berhak menerima manfaat daripadanya mengikut syarat yang ditetapkan oleh pewakaf (Dr Hamed Hassan Merah & Mr. Mohammad Majd Bakir 2015).

Implikasi Wakaf *Zurri* terhadap Pembahagian Harta Pusaka Keluarga

Dari sudut pembahagian harta pusaka, wakaf *zurri* mempunyai beberapa implikasi penting. Pertama, harta wakaf tidak termasuk dalam harta pusaka yang tertakluk kepada pembahagian faraid. Apabila seseorang mewakafkan hartanya sebagai wakaf *zurri*, pemilikan harta tersebut terhenti dan tidak lagi boleh diwarisi oleh waris. Oleh itu, waris tidak mempunyai hak milik ke atas harta wakaf, tetapi hanya berhak menerima manfaat atau hasilnya selagi memenuhi syarat pewakaf.

Kedua, wakaf *zurri* membolehkan pewakaf mengekalkan harta dalam lingkungan keluarga untuk tempoh yang panjang, bahkan secara kekal. Pendekatan ini sering digunakan bagi memastikan kelangsungan manfaat harta kepada generasi-generasi seterusnya, sejajar dengan kehendak pewakaf dan tujuan wakaf sebagai sedekah jariah yang berterusan.

Ketiga, pewujudan wakaf *zurri* secara langsung akan mengurangkan jumlah harta pusaka yang boleh diagihkan kepada waris. Keadaan ini berpotensi mempengaruhi kadar bahagian faraid yang diterima oleh setiap waris, terutamanya sekiranya wakaf dibuat ke atas sebahagian besar harta pewakaf.

Keempat, walaupun wakaf *zurri* bertujuan menjaga kebajikan keluarga, ia juga berpotensi menimbulkan konflik dalam kalangan waris sekiranya syarat-syarat wakaf tidak dinyatakan dengan jelas atau jika waris merasakan hak mereka terjejas. Oleh itu, penetapan syarat wakaf yang terperinci, telus dan adil merupakan aspek yang sangat ditekankan oleh para fuqaha bagi mengelakkan pertikaian keluarga.

Isu Hak Waris Terhadap Wakaf *Zurri*

Sebahagian ulama meletakkan had tertentu bagi mengelakkan wakaf *zurri* menjejaskan hak waris secara tidak adil. Antaranya ialah pandangan yang menghadkan wakaf kepada tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan harta pewakaf, dengan analogi kepada wasiat. Pendekatan ini bertujuan memastikan hak waris yang wajib menurut syariah tetap terpelihara dan tidak dinafikan secara mutlak. Prinsip ini turut dirujuk secara jelas dalam perundangan wakaf di beberapa negara Islam seperti Mesir (Dr Hamed Hassan Merah & Mr. Mohammad Majd Bakir 2015).

Skop Benefisiari Wakaf *Zurri* dan Tafsiran Lafaz Menurut Fuqaha

Skop benefisiari wakaf *zurri* sangat bergantung kepada lafaz yang digunakan oleh pewakaf. Wakaf keluarga lazimnya ditujukan kepada individu yang digambarkan secara khusus, seperti anak, cucu atau saudara-mara. Apabila tiada lagi individu yang termasuk dalam kategori tersebut, manfaat wakaf akan disalurkan kepada tujuan kebajikan umum (Dr Hamed Hassan Merah & Mr. Mohammad Majd Bakir 2015).

Fuqaha berbeza pandangan mengenai definisi “anak” dalam wakaf *zurri*. Hanafiah, Syafi‘iyah (pendapat yang lebih sahih) dan Hanabilah (pandangan Qadi dan sahabatnya) berpandangan bahawa lafaz “anak-anakku” merujuk kepada anak kandung sahaja dan tidak merangkumi cucu. Malikiyah, Hanabilah (satu pandangan) dan Syafi‘iyah (satu pendapat) pula menghadkan wakaf kepada anak lelaki dan keturunannya sahaja, manakala anak perempuan dan keturunannya tidak termasuk melainkan dinyatakan secara jelas.

Sebaliknya, terdapat pandangan dalam Mazhab Syafi‘i yang menyatakan bahawa jika pewakaf menyebut “anak-anakku dan anak-anak kepada anak-anakku”, maka semua anak lelaki, anak perempuan serta keturunan mereka termasuk dalam wakaf tersebut. Namun, jika lafaz yang digunakan merujuk kepada “sesiapa yang dinisbahkan kepadaku”, maka anak perempuan dikecualikan kerana nisbah mereka adalah kepada bapa (Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah 1983).

Dari sudut penggunaan istilah, lafaz seperti *dhurriyyah*, *nasl* dan *‘aqib* lazimnya ditafsirkan merangkumi keturunan lelaki sahaja, kecuali jika terdapat petunjuk yang jelas sebaliknya. Manakala lafaz seperti *aal*, *ahl al-bayt* dan *qarabah* lebih luas dan boleh merangkumi lelaki dan perempuan, kaya dan miskin, bergantung kepada niat pewakaf dan uruf setempat (al-Zuhayli 2011).

Jadual 1: Rumusan Perbandingan Pandangan Fuqaha tentang Wakaf *Zurri*

Isu	Hanafi	Maliki	Syafi‘i	Hanbali
Kesahan wakaf <i>zurri</i>	Sah	Sah	Sah	Sah
Syarat kekekalan (<i>ta‘bid</i>)	Disyaratkan menurut Abu Hanifah & Muhammad; Abu Yusuf lebih fleksibel	Tidak disyaratkan	Diperselisihkan (al-azhar mensyaratkan, pendapat lain lebih fleksibel)	Tidak disyaratkan secara mutlak
Wakaf bertempoh (<i>mu‘aqqat</i>)	Tidak dibenarkan	Dibenarkan	Khilaf	Khilaf
Status wakaf apabila penerima terputus	Beralih kepada fakir miskin	Fakir miskin daripada kerabat terdekat	Fakir miskin daripada kerabat darah terdekat	Kerabat terdekat atau fakir miskin
Tafsiran lafaz “anak”	Anak kandung sahaja	Anak lelaki dan keturunannya	Khilaf bergantung lafaz & niat	Anak lelaki dan keturunannya

Kemasukan anak perempuan & keturunan	Tidak termasuk melainkan dinyatakan	Tidak termasuk melainkan dinyatakan	Khilaf (termasuk jika lafaz merangkumi)	Tidak termasuk melainkan dinyatakan
Pembahagian manfaat lelaki-perempuan	Sama rata atau mengikut syarat wakif	Sama rata	Sama rata (pendapat kuat), khilaf jika disyaratkan	Khilaf
Keutamaan syarat pewakaf	Mengikat selagi tidak bercanggah syarak	Mengikat	Mengikat	Mengikat
Pendekatan umum mazhab	Lebih ketat pada konsep kekekalan	Paling fleksibel	Seimbang antara teks & maslahat	Fleksibel dalam pelaksanaan

Sumber: Abdul Samad et al. (2024); al-Zuhayli (2011); Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (1983); Dr Hamed Hassan Merah & Mr. Mohammad Majd Bakir (2015); Sadique et al. (2016)

Wakaf *Zurri* Menurut Peruntukan Undang-Undang di Malaysia

Dalam kajian Abdul Samad et al. (2024) amalan wakaf di Malaysia dipercayai bermula hasil pengaruh saudagar Arab, khususnya golongan Arab *Hadhrami*, yang memperkenalkan pengurusan harta berasaskan wakaf di Tanah Melayu. Pada peringkat awal, wakaf sama ada wakaf am mahupun wakaf keluarga berfungsi sebagai instrumen kebajikan sosial yang menyokong pembangunan institusi pendidikan, masjid dan kesejahteraan masyarakat.

Namun, semasa era penjajahan British, landskap wakaf mengalami perubahan ketara akibat campur tangan perundangan. Penjajah mentafsir konsep kebajikan secara sempit, yang menafikan kesahan wakaf keluarga, serta memperkenalkan prinsip undang-undang bercanggah kekekalan dan sistem pemilikan tanah persendirian. Keadaan ini menyebabkan amalan wakaf keluarga merosot dan banyak kes wakaf diputuskan berdasarkan undang-undang sivil tanpa mengambil kira prinsip undang-undang Islam.

Selepas kemerdekaan, kedudukan wakaf dipulihkan melalui pengiktirafan Islam sebagai agama Persekutuan dan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal wakaf. Bermula sekitar tahun 1970-an, harta wakaf diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri, dan wakaf keluarga diiktiraf semula dalam perundangan negeri dengan pelbagai istilah seperti wakaf khas, wakaf ahli atau wakaf *zurri*. Sejarah ini menjadi asas penting untuk memahami kerangka undang-undang dan pendekatan pentadbiran wakaf ahli di Malaysia pada masa kini (Abdul Samad et al. 2024).

Sebelum membuat penilaian lanjut, adalah wajar untuk meneliti terlebih dahulu struktur pentadbiran wakaf di Malaysia. Pada masa ini, terdapat enam buah negeri yang mempunyai pentadbiran khusus berkaitan wakaf. Secara umumnya, pelaksanaan wakaf *zurri* tertakluk kepada kerangka perundangan negeri yang meletakkan kuasa pentadbiran wakaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan harta wakaf diurus secara teratur, telus dan selaras dengan kepentingan syariah serta kehendak undang-undang semasa (Sanusi et al. 2021). Walau bagaimanapun, kebanyakan enakmen wakaf negeri masih tidak memperincikan secara khusus tatacara pelaksanaan wakaf *zurri*, berbanding wakaf am yang mempunyai garis panduan yang lebih jelas dan terperinci.

Kekurangan ini menyebabkan pelaksanaan wakaf *zurri* bergantung kepada tafsiran dan amalan pentadbiran di peringkat negeri, sekali gus mewujudkan ketidakseragaman dalam pengurusan wakaf *zurri* di Malaysia (Sanusi et al. 2023).

Jadual 2: Perundangan Wakaf Mengikut Negeri-Negeri Terpilih

Negeri	Perundangan Wakaf
Selangor	Enakmen Wakaf Selangor 2015
Melaka	Enakmen Wakaf Melaka 2005
Negeri Sembilan	Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005
Perak	Enakmen Wakaf Perak 2015
Terengganu	Enakmen Wakaf Terengganu 2016
Sabah	Enakmen Wakaf Sabah 2018

Sumber: Enakmen Wakaf Selangor 2015; Enakmen Wakaf Melaka 2005; Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005; Enakmen Wakaf Perak 2015; Enakmen Wakaf Terengganu 2016; Enakmen Wakaf Sabah 2018

Berdasarkan kajian melalui analisis dokumen Enakmen Wakaf negeri-negeri tersebut, didapati bahawa kesemua Negeri mempunyai tafsiran yang berbeza dan peruntukan yang berbeza berkaitan wakaf *zurri*. Seperti di Melaka dan Negeri Sembilan tiada peruntukan yang menyebut berkaitan wakaf ahli, wakaf *zurri* dan wakaf kepada waris (Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005; Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005). Manakala Selangor, Terengganu dan Sabah menyebut wakaf kepada waris di bolehkan dibawah peruntukan “Wakaf Secara Wasiat” dengan petikan:

- (1) *Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya.*
- (2) *Jika waqif berada dalam keadaan marad al maut, dia tidak boleh membuat wakaf kepada warisnya kecuali dengan persetujuan semua waris.*
- (3) *Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika waqif mewakafkan hartanya secara berwasiat kepada warisnya kecuali dengan persetujuan*

Ketiga-tiga enakmen ini tidak menyebut wakaf ahli atau wakaf *zurri* tapi konsepnya adalah sama (Enakmen Wakaf Negeri Sabah 2018; Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.; Enakmen Wakaf Terengganu 2016.). Manakala di Perak menyebut secara jelas berkaitan wakaf ahli atau wakaf *zurri* (Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015). Wakaf ahli ini diletakkan di bawah peruntukan “Wakaf ahli, *irsad*, *manqul*, *musyak*, *musytarak*, wakaf saham atau wakaf *takliq* pada Bahagian Perwujudan Wakaf” dengan petikan:

- (1) *Seorang waqif boleh mewujudkan wakaf ahli, irsad, manqul, musyak, musytarak, wakaf saham atau wakaf takliq terhadap hartanya.*
- (2) *Bagi maksud seksyen ini -*
 - (a) *“wakaf ahli” atau “wakaf zurri” ertinya suatu wakaf yang ditentukan oleh waqif untuk keluarganya atau untuk seseorang atau lebih daripada seorang yang tertentu bagi tujuan kebajikan;*

Maka disini dapat disimpulkan bahawa, wakaf ahli ini diterima untuk dijadikan sebagai salah satu instrument sosioekonomi masyarakat Islam, walaupun kebanyakan negeri tidak meletakkan spesifik secara jelas penggunaan wakaf ahli kecuali di Perak, namun konsepnya atau maknanya diperuntukkan dalam enakmen seperti wakaf kepada waris. Jadual 3, merumuskan peruntukan undang-undang bagi benefisiari Wakaf Ahli di 6 buah MAIN ini.

Jadual 3: Benefisiari Wakaf Ahli di 6 Buah MAIN Terpilih.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	Enakmen Wakaf Negeri	Sebutan Peruntukan
Selangor	Bahagian VII (Wakaf Secara Wasiat)	Wakaf kepada Waris
Melaka	Tiada	Tiada
Negeri Sembilan	Tiada	Tiada
Perak	Bahagian II (Perwujudan Wakaf)	Wakaf ahli atau Wakaf Zurri
Terengganu	Bahagian VIII (Wakaf Secara Wasiat)	Wakaf kepada Waris
Sabah	Bahagian VII (Wakaf Secara Wasiat)	Wakaf kepada Waris

Sumber: Enakmen Wakaf Selangor 2015; Enakmen Wakaf Melaka 2005; Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005; Enakmen Wakaf Perak 2015; Enakmen Wakaf Terengganu 2016; Enakmen Wakaf Sabah 2018; Abdul Samad et al. (2024)

Maka dapat dipastikan bahawa terdapat kemungkinan disini ada penafsiran berbeza antara wakaf kepada waris dan wakaf ahli itu sendiri. Pada pandangan penulis bahawa perbezaan ini bersifat umum dan khusus. Boleh dijelaskan dengan kemukakan perbezaan antara Wakaf Ahli dan Wakaf kepada Waris. Berikut Jadual 4, Perbezaan Wakaf Ahli dan Wakaf kepada Waris.

Jadual 4: Perbezaan Wakaf Ahli dan Wakaf kepada Waris.

Wakaf Ahli/Zurri	Wakaf kepada Waris
Wakaf yang dikhususkan untuk kerurunan atau zuriat pewakaf seperti anak, cucu dan cicit	Wakaf yang dikhususkan kepada individu yang dikategorikan sebagai waris sah mengikut Faraid
Lebih luas, kesemua ahli keluarga menerima manfaat	Lebih sempit, hanya waris yang diniatkan oleh waqif sahaja menerima manfaat
Menjaga kebajikan seluruh keturunannya	Memastikan waris tersebut mendapat manfaat berterusan

Sumber: Abdul Samad et al. (2024); Abdullah & Bahari (2019)

Menurut Abdul Samad et al. (2024) melihat bahawa peruntukan di negeri Terengganu, Selangor dan Sabah lebih berhati-hati dalam mentafsirkan Wakaf Ahli dengan menggunakan perkataan yang khusus iaitu “waris” yang merujuk kepada ahli keluarga yang mempunyai hak sebagai waris. Hal ini kerana, kelayakan ahli keluarga dari kalangan bukan waris telah disepakati oleh Fuqaha Muslim manakala kelayakan ahli waris pula mendapat perbezaan pandangan. Namun, tindakan para sahabat seperti az-Zubair bin al- Awwam yang mewakafkan rumahnya kepada anak lelaki dan perempuan menunjukkan keizinan terhadap wakaf kepada ahli keluarga sama ada daripada kalangan waris atau bukan waris.

Selain daripada itu, wakaf Umar al-Khattab kepada keturunannya datang dalam perkataan yang umum yang merangkumi ahli keluarga yang kaya atau miskin, waris atau bukan waris. Oleh itu, beliau melihat bahawa Wakaf Ahli boleh diberikan kepada ahli keluarga sama ada di kalangan waris atau bukan waris. Ketiadaan peruntukan khusus ini menyebabkan institusi agama mengamalkan pendekatan yang lebih berhati-hati, khususnya dalam menerima dan melaksanakan wakaf berbentuk keluarga. Antara kebimbangan utama ialah kesukaran mengenal pasti dan mengurus benefisiari yang semakin bertambah dari generasi ke generasi,

serta risiko pertikaian dalam kalangan waris (Abdul Samad et al. 2024). Situasi ini secara tidak langsung mendorong kepada amalan pentadbiran yang pasif, di mana wakaf *zurri* kurang dipromosikan atau dilaksanakan walaupun mempunyai potensi besar dalam pengurusan harta keluarga Islam.

Kajian empirikal juga menunjukkan wujudnya ketidakseragaman amalan antara negeri dalam mengendalikan wakaf *zurri*, bergantung kepada interpretasi enakmen dan keupayaan pentadbiran masing-masing (Sanusi et al. 2023). Namun di dalam semua Enakmen Negeri menyebut bahawa jika *mawquf alaih* tiada dengan sebab-sebab tertentu maka wakaf akan berakhir kepada wakaf am ini termasuk juga enakmen yang meletakkan tafsiran khusus terhadap wakaf ahli. Dan tidak dapat dinafikan bahawa perlaksanaan wakaf ahli ini pada sudut teknikal menimbulkan cabaran dari sudut standardisasi dan kelestarian pengurusan wakaf, sekali gus mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap pelaksanaan wakaf *zurri* sebagai instrumen perancangan harta yang berkesan. Perkara ini juga dapat dilihat bahawa instrumen wakaf ahli ini juga tidak dioptimumkan secara menyeluruh pada agensi-agensi perancangan pengurusan harta Islam sebagai produk mereka.

Oleh itu, dari sudut undang-undang, walaupun wakaf *zurri* tidak ditolak secara prinsip, pelaksanaannya masih dibatasi oleh kekangan peruntukan, tadbir urus dan keupayaan institusi, yang memerlukan penilaian semula agar selari dengan keperluan semasa.

Penilaian Perbandingan antara Pandangan Fuqaha dan Undang-Undang

Berdasarkan analisis yang telah dikemukakan, dapat diperhatikan bahawa wujud jurang antara penerimaan konsep wakaf *zurri* dalam fiqh Islam dengan pendekatan perundangan dan pentadbiran wakaf di Malaysia. Dari sudut fuqaha, wakaf *zurri* diterima sebagai sah dan bersifat fleksibel melalui mekanisme ijtihad serta pertimbangan maslahat. Sebaliknya, dari sudut undang-undang dan pentadbiran, pelaksanaannya lebih bersifat berhati-hati dan terikat dengan kebimbangan terhadap isu pengurusan praktikal. Jurang ini bukan berpunca daripada percanggahan prinsip syariah, sebaliknya lahir daripada perbezaan fokus antara dimensi normatif fiqh dan keperluan pentadbiran moden.

Penekanan fiqh terhadap kebajikan jangka panjang dan pencapaian *maqasid al-shariah* menunjukkan bahawa wakaf *zurri* boleh disesuaikan melalui pendekatan yang lebih inovatif seperti wakaf *musytarak* atau wakaf bertempoh bagi mengimbangi kepentingan keluarga dan masyarakat (Ab Rahman et al. 2024). Pendekatan ini dilihat lebih selari dengan keperluan undang-undang dan realiti pengurusan institusi wakaf di Malaysia, di samping berpotensi mengurangkan risiko pembekuan harta dan konflik dalam kalangan waris.

Abdul Samad et al. (2024) menjelaskan bahawa bagi mengharmonikan amalan Wakaf Ahli sebagai wakaf sementara dengan keperluan kekekalan wakaf seperti yang ditekankan dalam mazhab Syafi'i di Malaysia, pendekatan wakaf secara *musytarak* antara Wakaf Ahli dan Wakaf Am dilihat sebagai satu penyelesaian yang praktikal. Melalui pendekatan ini, wakaf diwujudkan sejak awal sebagai wakaf gabungan, dengan manfaat awal diberikan kepada keluarga pewakaf dan kemudiannya disalurkan sepenuhnya kepada wakaf am selepas tamat tempoh tertentu, misalnya dua generasi keluarga. Pendekatan ini selari dengan tujuan asas Wakaf Ahli, iaitu menjaga kelangsungan hidup keluarga, di samping memastikan manfaat akhir wakaf disalurkan kepada golongan miskin, khususnya dalam kalangan keluarga pewakaf.

Cadangan pelaksanaan Wakaf Ahli secara sementara dan berperingkat ini juga bertepatan dengan pandangan fuqaha yang menekankan keperluan kesinambungan manfaat wakaf kepada pihak yang tidak akan putus. Dalam masa yang sama, pendekatan ini mampu mengatasi cabaran praktikal dalam pengurusan wakaf, terutamanya kesukaran mengenal pasti ahli keluarga yang semakin bertambah dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dari sudut perbandingan, reka bentuk Wakaf Ahli secara *musytarak* ini berupaya merapatkan jurang antara pandangan fiqh dan kehendak perundangan semasa (Abdul Samad et al. 2024).

Dari perspektif mazhab yang diamalkan di Malaysia, Wakaf Ahli dianggap sah apabila manfaat akhirnya disalurkan kepada fakir miskin, sekali gus mengelakkan percanggahan dengan mazhab *mu'tamad*. Dari sudut perundangan pula, penetapan tempoh atau had generasi menjadikan wakaf ini lebih selari dengan peruntukan enakmen wakaf negeri yang menekankan ciri kekekalan. Selain itu, sifat benefisiari keluarga yang bersifat sementara turut menyokong pelaksanaan Wakaf Ahli secara bertempoh bagi menjamin kelestarian harta wakaf (Abdul Samad et al. 2024).

Kesimpulannya, pendekatan Wakaf Ahli secara *musytarak* dan sementara bukan sahaja memenuhi tuntutan syariah, malah menawarkan penyelesaian yang realistik terhadap cabaran perundangan dan pentadbiran wakaf di Malaysia. Analisis perbandingan ini menunjukkan bahawa cabaran utama wakaf *zurri* di Malaysia bukanlah berkaitan kesahihan syariah, tetapi lebih kepada isu penyelarasan antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang. Justeru, usaha penambahbaikan wajar difokuskan kepada reformasi tadbir urus dan penggubalan garis panduan yang lebih jelas agar potensi wakaf *zurri* dapat dimanfaatkan secara optimum selaras dengan tuntutan syariah dan kerangka perundangan negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif-analitik bagi mengkaji konsep, hukum, dan pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia secara menyeluruh. Secara khususnya, kajian ini menggabungkan dua kaedah utama iaitu kajian kepustakaan (*library research*) dan analisis kandungan (*content analysis*) bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini direka bentuk sebagai kajian kualitatif deskriptif-analitik. Reka bentuk ini dipilih memandangkan tujuan kajian adalah untuk memahami, menghuraikan dan menilai pelaksanaan wakaf *zurri* berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder yang sedia ada. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menerokai kedalaman konsep fiqh dan membuat perbandingan kritis antara pandangan normatif fuqaha dan peruntukan undang-undang bertulis di Malaysia tanpa tertakluk kepada kekangan pengumpulan data empirikal di lapangan.

Sumber Data

Kajian ini melibatkan dua kategori sumber data utama. Pertama, sumber primer yang terdiri daripada kitab-kitab fiqh turath daripada pelbagai mazhab utama seperti *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, serta *Shari'ah Standards* yang diterbitkan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI). Di samping itu, enakmen wakaf negeri yang dikaji merangkumi Enakmen Wakaf Selangor 2015, Melaka 2005, Negeri Sembilan 2005, Perak 2015, Terengganu 2016, dan Sabah 2018 turut dijadikan sumber primer utama dalam kajian ini.

Kedua, sumber sekunder yang merangkumi artikel jurnal berindeks, prosiding seminar, tesis akademik, dan laporan institusi wakaf yang berkaitan dengan perbincangan wakaf *zurri* di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Pemilihan sumber sekunder dibuat berdasarkan kriteria relevansi topik, kesahihan penerbitan, dan kemutakhiran maklumat yang dikemukakan.

Kaedah Analisis Data

Data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Proses analisis dijalankan melalui tiga peringkat. Pada peringkat pertama, pengkaji melakukan pembacaan kritikal terhadap sumber-sumber fiqh dan perundangan yang dipilih bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan benefisiari, kekekalan, dan tadbir urus wakaf *zurri*. Pada peringkat kedua, data dikategorikan dan dipetakan mengikut tema tersebut untuk tujuan perbandingan antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang. Pada peringkat ketiga, dapatan disintesis dan dinilai secara kritis bagi menghasilkan cadangan yang relevan dalam konteks pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jurang antara Pandangan Fuqaha dan Peruntukan Perundangan

Dapatan pertama kajian ini menunjukkan wujudnya tiga jurang utama antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang wakaf *zurri* di Malaysia. Melalui analisis kandungan terhadap enakmen wakaf enam negeri dan kitab-kitab fiqh turath, kajian mendapati bahawa fiqh Islam secara umumnya bersifat lebih fleksibel dan inklusif berbanding peruntukan perundangan yang lebih berhati-hati dan terhad. Rumusan jurang tersebut dikemukakan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Kontroversi Pelaksanaan Wakaf Zurri di Malaysia

Isu Kontroversi	Pandangan Fuqaha	Realiti Malaysia	Jurang
Kekekalan Wakaf (Ta'bid)	Maliki: tidak wajib kekal. Syafi'i (rajih) & Hanbali: sah walaupun benefisiari akan putus. Abu Yusuf (Hanafi): kekekalan bukan rukun mutlak.	Kebanyakan enakmen mewajibkan ciri kekal sebagai syarat wakaf. Hanya Terengganu yang secara jelas membenarkan Wakaf Muaqqat (bertempoh).	Ada jurang. Fiqh lebih fleksibel; perundangan lebih ketat.
Skop Benefisiari Wakaf Zurri	Jumhur fuqaha: merangkumi semua ahli keluarga termasuk waris dan bukan waris. Wakaf Umar al-Khattab merangkumi kaya, miskin, waris dan bukan waris.	Terengganu, Selangor dan Sabah menghadkan kepada 'waris' sahaja. Perak menggunakan istilah 'keluarga' yang lebih luas. Melaka dan N. Sembilan tiada peruntukan.	Ada jurang. Tafsiran 'waris' lebih sempit berbanding pandangan fiqh.
Tempoh Had Generasi Benefisiari	Jumhur fuqaha bersetuju had 2 generasi (tidak melebihi 60 tahun) sebelum disalurkan kepada fakir miskin atau wakaf am.	Hanya Johor (melalui Undang-undang Wakaf 1983) yang menetapkan had 60 tahun atau 2 generasi. Negeri lain tidak menetapkan had masa.	Ada jurang besar. Ketidadaan had masa menyebabkan kesukaran pengurusan benefisiari.

Tadbir Urus dan Standardisasi	Fiqh tidak menghalang mekanisme tadbir urus yang sistematik; malah galakkan pengurusan yang adil dan telus.	Tiada garis panduan standard antara negeri. Setiap MAIN mengamalkan pendekatan berbeza, menyebabkan ketidakseragaman pelaksanaan.	Ada jurang kritikal. Ketiadaan standard operasi menjejaskan keyakinan masyarakat.
-------------------------------	---	---	---

Sumber: Analisis berdasarkan Abdul Samad et al. (2024); Sanusi et al. (2021, 2023); al-Zuhayli (2011); Enakmen Wakaf Perak 2015; Enakmen Wakaf Terengganu 2016; Enakmen Wakaf Selangor 2015; Enakmen Wakaf Sabah 2018

Berdasarkan Jadual 5, tiga jurang utama telah dikenal pasti. Pertama, isu kekekalan wakaf (*ta'bid*) di mana fiqh membenarkan wakaf bertempoh tetapi kebanyakan enakmen masih mensyaratkan kekekalan. Kedua, skop benefisiari yang lebih sempit dalam perundangan berbanding keluasan pandangan fuqaha. Ketiga, ketiadaan had masa yang jelas dalam hampir semua enakmen kecuali Johor. Ketiga-tiga jurang ini secara langsung menyumbang kepada kelemahan tadbir urus dan ketidakseragaman pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia.


Ketidakteragaman Peruntukan Perundangan antara Negeri

Dapatan kedua kajian mendapati bahawa daripada enam negeri yang dikaji, hanya Perak yang memperuntukkan wakaf *zurri* secara eksplisit dalam enakmen wakaf negeri melalui istilah 'wakaf ahli' atau 'wakaf *zurri*'. Selangor, Terengganu dan Sabah menggunakan istilah 'wakaf kepada waris' yang diletakkan di bawah bahagian Wakaf Secara Wasiat, manakala Melaka dan Negeri Sembilan langsung tidak mempunyai sebarang peruntukan berkaitan wakaf keluarga. Ketidakteragaman ini mencerminkan jurang perundangan yang ketara dan mendesak untuk diselaraskan di peringkat kebangsaan.

Perbezaan terminologi antara 'wakaf ahli', 'wakaf *zurri*' dan 'wakaf kepada waris' juga didapati membawa implikasi berbeza dari sudut skop benefisiari. Penggunaan istilah 'waris' yang terhad kepada penerima faraid didapati lebih sempit berbanding konsep 'keluarga' atau 'keturunan' yang merangkumi waris dan bukan waris. Keadaan ini berpotensi menyebabkan sebahagian ahli keluarga yang sepatutnya mendapat manfaat wakaf tersisih akibat tafsiran perundangan yang terlalu ketat.

Cadangan Model Wakaf Zurri Berasaskan Maqasid al-Shariah

Dapatan ini ialah cadangan model operasi wakaf *zurri* yang lebih komprehensif dan selari dengan prinsip *maqasid al-shariah*. Berdasarkan analisis terhadap pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang, kajian ini mencadangkan model Wakaf *Musyarak* Bertempoh yang menggabungkan elemen wakaf keluarga dan wakaf am secara berperingkat seperti yang diringkaskan dalam Rajah 1 dan Jadual 6.



Rajah 1 : Model Wakaf Zurri Musytarak Bertempoh Berasaskan Maqasid al-Shariah

Jadual 6: Model Operasi Wakaf Zurri Musytarak Bertempoh

Fasa	Mekanisme	Agihan Manfaat	Tempoh
Fasa 1: Permulaan Wakaf	Wakaf diwujudkan sebagai Wakaf Musytarak (gabungan)	90% manfaat kepada keluarga; 10% kepada wakaf am	Bermula dari tarikh wakaf didaftarkan
Fasa 2: Tempoh Keluarga	Manfaat disalurkan kepada benefisiari keluarga yang ditetapkan	Had 2 generasi atau maksimum 60 tahun	Generasi 1 dan Generasi 2 pewakaf
Fasa 3: Peralihan	MAIN mengesahkan ketiadaan benefisiari keluarga yang layak	Audit benefisiari dijalankan oleh MAIN	Pada penghujung generasi ke-2
Fasa 4: Wakaf Am Penuh	100% manfaat disalurkan kepada wakaf am atau fakir miskin	Keutamaan kepada ahli keluarga yang miskin jika ada	Berterusan selagi aset wakaf wujud

Sumber: Cadangan Berdasarkan Abdul Samad et al. (2024); Ab Rahman et al. (2024); Sanusi et al. (2021); Sadique et al. (2016)

Model yang dicadangkan dalam Jadual 6 membahagikan pelaksanaan wakaf *zurri* kepada empat fasa yang berterusan. Pada Fasa 1, wakaf diwujudkan sebagai wakaf *musytarak* dengan agihan 90% manfaat kepada keluarga dan 10% kepada wakaf am sejak dari permulaan. Pendekatan ini bukan sahaja menyelesaikan isu kekekalan wakaf menurut mazhab Syafi'i yang diamalkan di Malaysia, malah memastikan tujuan sosial wakaf tidak diabaikan sepenuhnya. Pada Fasa 3 dan 4, apabila benefisiari keluarga telah tiada, manfaat wakaf secara automatik beralih sepenuhnya kepada wakaf am dengan keutamaan diberikan kepada ahli keluarga yang miskin.

Cadangan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Dasar

Dapatan keempat kajian ini mengemukakan tiga cadangan dasar khusus bagi menangani kelemahan tadbir urus wakaf *zurri* di Malaysia.

Pertama: Penyeragaman Definisi dan Peruntukan Undang-undang. Semua negeri perlu menyelaraskan enakmen wakaf dengan memasukkan definisi wakaf *zurri* secara eksplisit seperti yang dilakukan oleh Perak melalui Enakmen Wakaf Perak 2015. Melaka dan Negeri Sembilan perlu segera memperkenalkan peruntukan berkaitan wakaf keluarga dalam enakmen masing-masing. Penyeragaman ini penting bagi memastikan pewakaf di semua negeri mempunyai akses yang sama terhadap instrumen wakaf *zurri* tanpa terikat kepada perbezaan tafsiran negeri.

Kedua: Penggubalan Garis Panduan Standard Nasional. JAKIM atau JAWHAR perlu mengeluarkan garis panduan standard bagi pelaksanaan wakaf *zurri* di peringkat kebangsaan. Garis panduan ini perlu merangkumi definisi benefisiari yang komprehensif (merangkumi waris dan bukan waris), prosedur pengesahan benefisiari antara generasi, mekanisme peralihan manfaat apabila benefisiari keluarga habis, serta tatacara pengauditan dan pelaporan yang seragam. Langkah ini akan mengurangkan ketidakseragaman amalan antara negeri dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap wakaf *zurri* sebagai instrumen perancangan harta Islam.

Ketiga: Pengiktirafan Wakaf *Zurri* sebagai Produk Industri Kewangan Islam. Institusi kewangan Islam seperti bank Islam, takaful, dan syarikat pengurusan harta perlu mengiktiraf dan mengintegrasikan wakaf *zurri* sebagai salah satu produk perancangan harta yang ditawarkan kepada pelanggan. Model wakaf *musytarak* bertempoh yang dicadangkan dalam kajian ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan produk wakaf *zurri* yang berstruktur dan terkawal, selari dengan piawaian AAOIFI dan kehendak *maqasid al-shariah*.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan analisis yang telah dijalankan, kajian ini merumuskan bahawa wakaf *zurri* merupakan satu instrumen perancangan harta Islam yang sah dan diiktiraf dalam syariah, dengan penerimaan yang jelas daripada majoriti fuqaha pelbagai mazhab. Perbezaan pandangan yang wujud dalam kalangan fuqaha tidak menyentuh kesahihan asas wakaf *zurri*, sebaliknya tertumpu kepada isu kesinambungan manfaat, kekekalan wakaf dan pengurusan benefisiari yang bersifat sementara. Hal ini membuktikan bahawa wakaf *zurri* adalah isu fiqh yang bersifat ijtihadi dan fleksibel, serta boleh disesuaikan mengikut konteks dan keperluan semasa.

Dari sudut perundangan di Malaysia pula, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan wakaf *zurri* tidak ditolak secara prinsip, namun dibatasi oleh kekangan peruntukan undang-undang dan pendekatan pentadbiran yang berhati-hati. Ketidakseragaman enakmen wakaf negeri, khususnya dalam mentafsir konsep wakaf *zurri*, wakaf ahli dan wakaf kepada waris, telah

mewujudkan jurang antara teori fiqh dan amalan pentadbiran. Keadaan ini menyebabkan wakaf *zurri* kurang dilaksanakan secara optimum walaupun mempunyai potensi besar dalam menangani isu pembekuan harta pusaka orang Islam.

Analisis perbandingan antara pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang menunjukkan bahawa cabaran utama wakaf *zurri* di Malaysia bukanlah isu kesahihan syariah, tetapi isu penyelarasan antara dimensi normatif fiqh dan keperluan pentadbiran moden. Fiqh Islam memberi ruang fleksibiliti melalui konsep maslahat dan *maqasid al-shariah*, manakala kerangka perundangan memerlukan kepastian, kebolehurusan dan kelestarian harta wakaf. Jurang inilah yang menuntut suatu pendekatan pelaksanaan yang lebih praktikal dan kontekstual.

Sehubungan itu, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan Wakaf Ahli secara *musytarak* dan bertempoh merupakan model pelaksanaan yang paling sesuai dalam konteks Malaysia. Pendekatan ini membolehkan manfaat wakaf disalurkan kepada keluarga pewakaf pada peringkat awal bagi menjaga kelangsungan hidup mereka, sebelum manfaat tersebut disalurkan kepada wakaf am atau golongan fakir miskin sebagai benefisiari akhir. Reka bentuk ini selari dengan pandangan fuqaha yang menekankan kesinambungan manfaat wakaf serta memenuhi kehendak perundangan negeri yang menitikberatkan ciri kekekalan wakaf.

Dari perspektif mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan utama di Malaysia, penyaluran manfaat akhir wakaf *zurri* kepada fakir miskin menjadikan wakaf tersebut sah dan tidak bercanggah dengan mazhab *mu'tamad*. Dari sudut perundangan pula, penetapan tempoh atau had generasi menjadikan wakaf *zurri* lebih teratur, mudah diurus dan mampan dalam jangka panjang. Pendekatan ini juga dapat mengurangkan risiko pertikaian waris serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa wakaf *zurri* mempunyai potensi besar sebagai instrumen sosioekonomi umat Islam di Malaysia sekiranya dilaksanakan secara sistematik, berlandaskan syariah dan disokong oleh kerangka undang-undang yang jelas. Oleh itu, usaha penambahbaikan pelaksanaan wakaf *zurri* perlu difokuskan kepada reformasi tadbir urus, penyeragaman tafsiran perundangan dan penggubalan garis panduan khusus di peringkat negeri. Dengan pendekatan yang bersepadu, wakaf *zurri* berupaya dimanfaatkan secara optimum selaras dengan tuntutan syariah, *maqasid al-shariah* dan keperluan pentadbiran semasa.

Rujukan

- Ab Rahman, M.F., Abdullah Thaidi, H. ‘Azeemi, Mohamad Suhaimi, F. & Ab Rahim, S.F. 2024. Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 15(1): 56–78.
- Abdul Samad, S., Che Abdullah, S., Kamaruzaman Noordin, dan, Syariah dan Pengurusan, J. & Pengajian Islam, A. 2024. Benefisiari Wakaf Ahli Menurut Perspektif Syariah dan Perundangannya di Malaysia: Kajian di 5 Buah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih 29(1)
www.jfatwa.usim.edu.my DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.513>.
- Abdullah, B. & Bahari, Z. 2019. Mauquf Alayh Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 4(26): 56.
- al-Zuhayli, W. 2011. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Vol. Jil. 8. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Daud, M.Z., Hussin, M.N.M. & Syed Mohamad, S.A.M. 2023. Civilizational Development through Family Waqf: An Analysis from Islamic Historical Perspectives. *Journal of Al-Tamaddun* 18(2): 71–86.
- Dr Hamed Hassan Merah & Mr. Mohammad Majd Bakir. 2015. *Shari’ah Standards*. The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005
Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015
Enakmen Wakaf Negeri Sabah 2018
Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015
Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005
Enakmen Wakaf Terengganu 2016
- Mawsu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* . 1983. Vol. Jil. 11 & 44. Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah.
- Mohamad, A. 2018. A Study on The Socio-Economic Roles of Waqf Ahli (Family Waqf) in Promoting Family Security and A Sustainable. *IJUM LAW JOURNAL* 26(1): 2018–141.
- Muhammad Obaidullah. 2008. Introduction to Islamic Microfinance. . *New Delhi: International Institute of Islamic Business and Finance (IBF) Net*.
- Nor Azlan, N.A.S., Mohsen, M., Kasim, R. & Omar, I. 2020. Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf di Negeri Johor. *Research In Management Of Technology And Business 1*: 782–799. <http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb>.
- Sadique, M.A., Ansari, A.H., Hingun, M. & Hasan, A. 2016. Socio-Legal Significance of Family Waqf in Islamic Law: Its Dgeneration and Revival. *IJUM LAW JOURNAL* 24(2): 2016–309.
- Sanusi, S.W.S.A., Salleh, M.F.M. & Yaacob, S.E. 2023. The Management and Implementation of Zurri Waqf in Malaysian Waqf Institution. *Jurnal Pengurusan* 67
- Sanusi, S.W.S.A., Yaacob, S.E. & Salleh, M.F.M. 2021. Waqf zurri: An instrument for estate planning in developing islamic civilization. *Journal of Al-Tamaddun* 16(1): 139–152.
- Yusof Al-Qaradhawi. 1996. *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecorpbuhan*. Diterjemahkan oleh Ahmad Nuryadi Asmawi. . Kuala Lumpur: Thinker’s Library.